

Tahap Penguasaan	Tafsiran	Halaman Buku Teks
2	Menerangkan pengaruh persekitaran perniagaan dan kepentingan peranan kerajaan terhadap perniagaan.	68 – 86

7. Maklumat berikut menunjukkan peranan kerajaan di Malaysia.

Kerajaan Malaysia telah mewujudkan potongan cukai bagi syarikat yang mengeksport barangan tempatan ke luar negara.

Berdasarkan maklumat di atas, mengapakah kerajaan Malaysia berbuat demikian?

8. Terangkan bagaimana kerajaan mengatasi masalah berkaitan deflasi.

(a)
(b)
(c)

PENTAKSIRAN

☐ Menguasai

☐ Belum Menguasai

Tandatangan Guru: _____

Tahap Penguasaan	Tafsiran	Halaman Buku Teks
3	Menghurai dan mengaplikasikan kesan pengaruh persekitaran perniagaan dan peranan kerajaan terhadap perniagaan.	83 – 99

9. Maklumat berikut menunjukkan suatu masalah yang berlaku di sebuah negara.

<u>Negara X</u>
- Kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan - Kos pengeluaran barang dan perkhidmatan meningkat

(a) Apakah masalah ekonomi yang berlaku di negara X?

(b) Jelaskan langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

10. Maklumat berikut menunjukkan beberapa agensi kerajaan.

- Majlis Amanah Rakyat (MARA) - Perbadanan Usahawan Nasional Berhad - TEKUN Nasional
--

Apakah kelebihan bantuan kewangan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan di atas kepada usahawan di Malaysia?

11. Undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan boleh memberikan kesan terhadap aspek persekitaran. Huraikan kerangka perundangan yang berikut dan pengaruhnya terhadap persekitaran perniagaan.

(a) Persekitaran

(b) Perlindungan pengguna

(c) Pengiklanan

(d) Maklumat

PENTAKSIRAN

☐ Menguasai

☐ Belum Menguasai

Tandatangan Guru: _____

Tahap Penguasaan	Tafsiran	Halaman Buku Teks
4	Menganalisis faktor-faktor yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan.	100 – 109

12. Maklumat berikut berkaitan dengan gaya pengurusan Encik Baharuddin dan Encik Harun.

Encik Zulklifi merupakan pengurus sumber manusia di Syarikat Pantas Sdn. Bhd.. Dia merupakan seorang yang tegas dan suka membuat keputusan sendiri.

Encik Shamsuddin merupakan seorang pengurus pemasaran yang suka mendengar pendapat pekerjaanya mengenai idea strategi pemasaran yang berkesan. Encik Shamsuddin memberi kebebasan sepenuhnya kepada pasukan pemasaran untuk menentukan jenis strategi pemasaran yang sesuai.

Encik Raihan, seorang pengurus pengeluaran yang mementingkan sumbangan idea daripada pekerjaanya. Walau bagaimanapun, Encik Raihan akan membuat keputusan akhir.

- (a) Apakah gaya pengurusan yang diamalkan oleh Encik Raihan, Encik Shamsuddin, dan Encik Zulklifi? Jelaskan.

- (b) Syarikat Pantas Sdn. Bhd. ingin membuat keputusan tentang pembukaan cawangan baharu. Apakah jenis gaya pengurusan yang sesuai diamalkan untuk situasi di atas?

- (c) Pada pendapat anda, bilakah majikan perlu menggunakan gaya pengurusan yang diamalkan oleh Encik Shamsuddin?

13. Lengkapkan jadual berikut tentang kelebihan dan kekurangan sumber manusia dalaman.

Kelebihan	Kekurangan
(a)	(a)
(b)	(b)
(c)	(c)

14. Gambar di bawah menunjukkan alat-alat yang banyak digunakan dalam organisasi perniagaan pada masa kini.



Bagaimanakah alat-alat di atas membawa perubahan dalam persekitaran perniagaan?

PENTAKSIRAN

☐ Menguasai

☐ Belum Menguasai

Tandatangan Guru: _____

Tahap Penguasaan	Tafsiran	Halaman Buku Teks
5	Menghubungkan persekitaran perniagaan dengan peranan kerajaan untuk menangani isu semasa perniagaan.	72 – 74

15. Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Tee Enterprise.

Syarikat Tee Enterprise merupakan pengeluar barang elektrik dan elektronik di Malaysia. Syarikat ini dimiliki oleh Encik Hassan dan telah beroperasi lebih daripada sepuluh tahun di Melaka. Barang yang dikeluarkan oleh Syarikat Tee Enterprise dipasarkan ke seluruh Malaysia. Kini, Syarikat Tee Enterprise merancang untuk meluaskan pasaran ke peringkat antarabangsa. Pasaran antarabangsa yang ingin ditembusi ialah negara Indonesia dan Thailand. Namun, Syarikat Tee Enterprise menghadapi masalah apabila mengeksport barang kerana tidak dapat mengetahui serta menemui pengimport-pengimport dari negara Indonesia dan Thailand. Syarikat Tee Enterprise membuat keputusan untuk mendapatkan bantuan kerajaan bagi menjalinkan hubungan dengan pengimport-pengimport dari luar negara.

(a) Berikan **satu** agensi kerajaan yang mampu memberikan bantuan kepada Syarikat Tee Enterprise.

(b) Berdasarkan jawapan anda di 15(a), senaraikan **tiga** peranan agensi kerajaan tersebut dalam perniagaan.

(c) SIRIM perlu memeriksa barang yang dikeluarkan oleh Syarikat Tee Enterprise. Apakah peranan SIRIM?

PENTAKSIRAN

☐ Menguasai

☐ Belum Menguasai

Tandatangan Guru: _____

Tahap Penguasaan	Tafsiran	Halaman Buku Teks
6	Menilai tindak balas organisasi perniagaan terhadap perubahan persekitaran.	90 – 109

16. Maklumat berikut menunjukkan perniagaan Restoran Mamak Maju.

Restoran Mamak Maju mendapatkan sambutan yang hangat kerana makanannya mempunyai jaminan keunikan rasa makanan tradisi Malaysia. Harga makanan yang berpatutan telah menjadi salah satu faktor tarikan pelanggan. Restoran Mamak Maju telah membuka tiga cawangan iaitu di negeri Pahang, Melaka, dan Selangor. Untuk meningkatkan jualan, Restoran Mamak Maju juga mengadakan aktiviti promosi seperti membuat pengiklanan di media massa. Restoran Mamak Maju sentiasa memastikan makanan yang dijual berkualiti dan layanan pekerja-pekerja yang ramah.

Namun, Restoran Mamak Maju di Selangor selalu menghadapi masalah kekurangan tempat duduk untuk pelanggan. Ramai pelanggan terpaksa berdiri di luar untuk menunggu. Melihat keadaan tersebut, Restoran Mamak Maju membuat keputusan untuk meluaskan restoran dengan membeli kedai kosong di sebelah. Ekonomi negara merundum juga menyebabkan sebahagian pekerja ingin meletakkan jawatan. Oleh itu, Restoran Mamak Maju meningkatkan gaji pekerja.

(a) Apakah jenis pasaran yang diceburi oleh Restoran Mamak Maju?

(b) Terangkan elemen campuran pemasaran yang dilaksanakan oleh Restoran Mamak Maju dalam aktiviti pemasaran perniagaannya.

(c) Jelaskan bagaimana analisis SWOT dapat membantu Restoran Mamak Maju memahami situasi dalam perniagaannya.

PENTAKSIRAN

☐ Menguasai

☐ Belum Menguasai

Tandatangan Guru: _____